

TAWARAN KERAJAAN *(GOVERNMENT PROCUREMENT)*

LEMBAGA TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN



KANDUNGAN TAKLIMAT

- ❖ POLISI, DASAR DAN OBJEKTIF PEMBELIAN KERAJAAN
- ❖ JENIS-JENIS PEMBELIAN KERAJAAN
- ❖ JENIS-JENIS TAWARAN
- ❖ PERATURAN-PERATURAN
- ❖ PROSES PEMBELIAN KERAJAAN
- ❖ CARA PENILAIAN
- ❖ MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN
- ❖ KENAPA TAWARAN LAMBAT DIBENARKAN/TIDAK DIBENARKAN



Definisi Perolehan Kerajaan

Perolehan Kerajaan (*Government Procurement*) adalah pembelian/penyewaan barang-barang (*Goods*) atau perkhidmatan (*Services*) yang dilaksanakan oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan.




POLISI, DASAR DAN OBJEKTIF TAWARAN KERAJAAN

- ❖ Polisi pembelian Kerajaan adalah dikawal oleh Kementerian Kewangan melalui Lembaga Tawaran Negara (LTN).
- ❖ Lembaga Tawaran Kecil (LTK) ditubuhkan disetiap Kementerian untuk mempercepatkan lagi proses sokongan tawaran.
- ❖ Pembelian yang dibuat oleh Kementerian/Jabatan mengikut Had Nilai Tawaran/Sebutharga (*Threshold Amount*) yang dibenarkan.
 - 1) Pembelian Nilai Kecil
 - 2) Sebutharga
 - 3) Tawaran – LTK
 - 4) Tawaran – LTN





Dasar dan Objektif utama pembelian Kerajaan



Dasar Dan Objektif Utama Pembelian Kerajaan - sambungan

- ❖ Tawaran yang dianugerahkan kepada tawaran yang dapat memberikan ***the best value for money*** bagi Kerajaan.
- ❖ '*Value for Money*' – Pemberian tawaran bukan bergantung kepada harga sahaja tetapi tawaran hendaklah memenuhi spesifikasi Jabatan, kualiti barang dan perkhidmatan, *reliability*, *time in delivery* dan perkhidmatan selepas jualan (*after sale service*).



Dasar Dan Objektif Utama Pembelian Kerajaan - sambungan

- ❖ Negara Brunei Darussalam mengamalkan fundamental keadilan (*fairness*), terbuka (*openness*) dan kompetitif (*competitiveness*) dalam pembelian Kerajaan.
- ❖ Kerajaan tidak akan '*discriminate in favour of or against*' satu-satu kontraktor/pembekal. Semua penender harus mendapat layanan yang sama.
- ❖ Semua penender diberikan maklumat yang sama bagi menyertai tawaran.



Jenis Pembelian-Pembelian Yang Dilaksanakan Oleh Pihak Kerajaan

Pembelian Nilai Kecil (*Small Value Purchase*)

- Pembelian cara ini adalah bagi barang-barang atau perkhidmatan berharga tidak melebihi \$2,000.00. Ianya boleh dibeli terus oleh Jabatan/Kementerian dari pengedar/kedai.

Sebutharga (*Quotation*)

- Pembelian barang-barang, perkhidmatan atau kontrak yang bernilai lebih dari \$2,000.00 hingga \$50,000.00 dan ianya di bawah bidangkuasa Ketua Jabatan termasuk Setiausaha Tetap. Jabatan/Kementerian adalah dikehendaki untuk mendapatkan sekurang-kurangnya 3 sebutharga yang bersesuaian.

Tawaran (*Tender*)

- Pembelian barang-barang, perkhidmatan atau kontrak yang bernilai lebih dari \$50,000.00 keatas hendaklah dibuat secara tawaran. Pihak yang berkuatkuasa meluluskan tawaran adalah tertakluk kepada jumlah harga projek seperti berikut:
 - Melebihi \$50,000.00 hingga \$250,000.00 – Lembaga Tawaran Kecil (LTK) dan diluluskan oleh Menteri masing-masing
 - Melebihi \$250,000.00 keatas – Dinilai dan disokong oleh LTK sebelum dihadapkan ke Lembaga Tawaran Negara untuk pertimbangan selanjutnya dan diluluskan oleh Menteri Kewangan



Jenis-Jenis Tawaran Yang Dikeluarkan

Tawaran Terbuka (*Open Tender*)

- Semua pembelian melebihi \$50,000.00 hendaklah dilaksanakan secara tawaran terbuka
- Setiap Kementerian/Jabatan pengguna hendaklah mematuhi semua peraturan-peraturan yang sedia ada.
- Setengah tawaran memerlukan kontraktor/syarikat untuk berdaftar terlebih dahulu dengan agensi-agensi Kerajaan tertentu seperti Kementerian Pembangunan, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Kesihatan dan lain-lain.



Jenis-Jenis Tawaran Yang Dikeluarkan

Tawaran Pilihan (*Selective Tender*)

- Digunakan jika diketahui hanya beberapa syarikat yang boleh melaksanakan skop-skop kerja dalam tawaran tersebut atau tawaran telah dikeluarkan secara terbuka, tetapi tidak ada tawaran diterima.
- Kebenaran untuk menjemput syarikat-syarikat yang dipilih hendaklah dihadapkan terlebih dahulu kepada LTK/LTN mengikut anggaran projek/pembelian berkenaan.
- Sebelum menghadapkan ke LTK/LTN, Kementerian/Jabatan hendaklah menilai terlebih dahulu syarikat-syarikat yang berkelayakkan dan berkebolehan untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan.
- Setelah permohonan telah diluluskan, Kementerian/Jabatan boleh menjemput syarikat-syarikat berkenaan untuk menghadapkan tawaran.



Jenis-Jenis Tawaran Yang Dikeluarkan

Tawaran Pengecualian/ Terhadap (*Direct Award*)

- Diperlukan jika satu tawaran tidak dapat ditawarkan secara terbuka atau pilihan. Contohnya bagi kerja-kerja yang segera, Keselamatan Negara, *software licence renewal* dan sebagainya
- Kebenaran untuk menjemput syarikat-syarikat yang dipilih hendaklah dihadapkan terlebih dahulu kepada LTK/LTN mengikut harga projek dengan menyatakan nama syarikat yang akan diberikan dan menyatakan alasan kenapa tawaran ini tidak boleh dibuat secara tawaran terbuka dan tawaran pilihan



SURCAJ

SK JPM Bil 9/2017 berkuatkuasa 21 Ogos 2017

- Jenis-Jenis Kesalahan:-
 - Gagal melaksanakan pembelian atau pemerolehan yang berhemah (*prudent*) atau mengamalkan *value for money* sehingga membawa kepada pembaziran dan kerugian kewangan Kerajaan dalam melaksanakan atau membenarkan pembelian atau pemerolehan seperti membuat pembelian barang-barang atau mendapatkan perkhidmatan yang tidak perlu atau secara berlebihan dan sebagainya;
 - Membuat perolehan tanpa peruntukan yang mencukupi atau tanpa peruntukan yang dibenarkan; dan
 - Tidak mematuhi Polisi dan Dasar Tawaran Kerajaan yang berkuatkuasa atau pembelian bagi mengelak dari mematuhi proses tawaran yang ditetapkan.



SURCAJ

SK JPM Bil 9/2017 berkuatkuasa 21 Ogos 2017

- Surcaj yang dikenakan:
 - Jumlah surcaj yang dikenakan ialah 100% dari:-
 - Nilai kerugian wang Kerajaan yang ditaksir oleh Jawatankuasa Menimbang Surcaj; atau
 - Nilai barang-barang yang berlebihan daripada keperluan; atau
 - Nilai barang-barang atau perkhidmatan yang diperolehi tanpa peruntukan,

Dan dibahagikan kepada pegawai dan kakitangan yang telah dipertanggungjawabkan mengikut pembahagian sebagaimana yang akan ditetapkan.
 - Pegawai dan kakitangan yang telah dipertanggungjawabkan juga boleh dikenakan Tindakan Tatatertib secara berasingan iaitu ditahan kenaikan tahunan atau bonus atau kedua-duanya sekali pada tahun surcaj diputuskan.



Peraturan-peraturan yang mengawal

Peraturan Keuangan 1983

Surat Pemberitahuan Jabatan Perbendaharaan bil: 12/1987

Surat LTN bil: LTN/4 (46/1995) dan LTN/4 (39/1997)

Surat Kementerian Keuangan bil: KKW/X/91

Surat Keliling Kementerian Keuangan bil: 3/2004

Surat Keliling Kementerian Keuangan bil: 2/2009

Surat Keliling Kementerian Keuangan bil: 1/2014

Surat Keliling Kementerian Keuangan bil: 1/2015



PERATURAN KEWANGAN 1983



PERATURAN KEWANGAN 1983

(Bil. 327 - 340)

Bil: 327

- Kerja, pembelian & perkhidmatan melebihi \$2,000.00 hingga \$50,000.00 adalah dibidang kuasa Ketua Jabatan. Tetapi sekurang-kurangnya 3 sebutharga hendaklah didapatkan.

Bil: 328

- Kerja, pembelian & perkhidmatan melebihi \$50,000.00 hendaklah menurut peraturan tawaran seperti Tawaran Terbuka, Tawaran Jemputan, Tawaran Pilihan, Tawaran Pengecualian, di iklankan sekurang-kurangnya 2 minggu etc.

Bil: 329

- Lembaga Tawaran dilantik setiap tahun oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)

Bil. 330

- Korum Mesyuarat adalah 3 orang ahli termasuk pengerusi.

Bil. 331

- Mana-mana sokongan Lembaga hendaklah direkod dalam minit mesyuarat dan disahkan oleh mesyuarat dan Minit Mesyuarat yang telah disahkan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi untuk dihadapkan bagi mendapatkan kebenaran Menteri.

Bil. 332

- Kebenaran dari Menteri hendaklah dimaklumkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan salinan minit mesyuarat dan salinan surat kebenaran hendaklah dihadapkan kepada Juruaudit Agung.

Bil. 333

- Jika ada perubahan didalam kebenaran tawaran, ianya hendaklah dimaklumkan kepada Lembaga Tawaran untuk dipertimbangkan semasa mesyuarat Lembaga Tawaran bagi sebarang keputusan.

PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)

Bil. 334

- Pemberitahuan / penghebohan tawaran hendaklah disebarluaskan seluas-luasnya.
- 334.1 - Memberikan butir-butir lengkap tentang syarat-syarat pembekalan, perkhidmatan atau kerja yang akan dilaksanakan.
 - Tempoh pengiklanan hendaklah tidak kurang daripada 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran.
- 334.2 - Tanda perniagaan dan '*brand name*' tidak boleh dinyatakan.
- 334.3 - Pengiklanan tawaran hendaklah melalui Akhbar Rasmi Kerajaan (Pelita Brunei).



PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)

- 334.4 - Tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dalam bentuk sampul surat yang digam dengan menyatakan tajuk tawaran berkenaan.
- 334.5 - Anak kunci Peti Tawaran disimpan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran.
- 334.6 - Tawaran dibuka semasa mesyuarat bersidang dan setiap dokumen berkenaan ditandatangani dan diberikan nombor bersiri.
- 334.7 - Dokumen-dokumen tawaran hendaklah disimpan ditempat yang selamat dan hendaklah dihadapkan kepada Jabatan-jabatan pengguna untuk membuat penilaian ke atas tawaran berkenaan.



PERATURAN KEWANGAN (Bil. 327 - 340)

Bil. 335

- Pengecualian daripada proses tawaran biasa boleh dipohonkan dengan memberikan penjelasan lengkap sebab-sebab diperlukan segera.

Bil. 336

- Kontrak atau perjanjian mestilah dibuat dan ditandatangani oleh pihak Kerajaan dengan pihak lain yang berkenaan (Pemborong).

Bil. 337

- Antaralain memberikan salinan kontrak yang telah ditandatangani kepada Jurukira Agung dan Juruaudit Agung.

Bil. 338 / 339 / 340

- Mempastikan kontrak dibuat menurut kehendak semasa. Terutama mengadakan jaminan, denda dan ganti rugi. Ketua Jabatan hendaklah memaklumkan Ke Lembaga Tawaran jika ada perubahan kontrak.



SURAT JABATAN PERBENDAHARAAN

BIL: 12/1987 bertarikh 29 Ogos 1987

Sebarang tawaran bagi pembekalan barang-barang yang bercukai termasuk kenderaan hendaklah dinyatakan dalam Pemberitahuan Tawaran bahawa **harga tawaran hendaklah termasuk cukai kastam.**



Garispandu Penegahan/Pengharaman Dikeluarkan



Satu cara pengawalan tawaran-tawaran supaya tawaran dilaksanakan dengan teratur dan sempurna.



Ini adalah kerana dalam menimbangkan tawaran-tawaran samada di peringkat LTN atau LTK, masih terdapat penender-penender yang tidak mematuhi peraturan dan proses tawaran yang boleh menyebabkan penender tersebut ditegah dari menyertai sebarang tawaran Kerajaan.

Sebab-Sebab Penegahan



1

• Penender menarik diri atau membatalkan tawaran selepas tarikh tutup tawaran

2

• Penender membatalkan kontrak selepas tawaran diberikan atau kontrak ditandatangani;

3

• Penender gagal untuk menjawab surat penerimaan tawaran dalam tempoh yang diberikan;

4

• Penender enggan menandatangani kontrak selepas pemberian tawaran;

5

• Penender gagal mematuhi segala syarat-syarat di bawah perjanjian kontrak atau pesanan resmi atau tidak dapat melaksanakan/menyiapkan projek; dan

6

• Penender yang didapati memberikan maklumat palsu

TEMPOH PENEGAHAN BAGI PEMBORONG YANG MENOLAK PENERIMAAN TAWARAN

	Nilai	Tempoh
1	Sehingga \$25,000.00	1 bulan
2	\$25,000.01 hingga \$150,000.00	2 bulan
3	\$150,000.01 hingga \$250,000.00	3 bulan
4	\$250,000.01 hingga \$500,000.00	4 bulan
5	\$500,000.01 hingga \$750,000.00	5 bulan
6	\$750,000.01 hingga \$1,000,000.00	6 bulan
7	\$1,000,000.01 hingga \$1,500,000.00	7 bulan
8	\$1,500,000.01 hingga \$2,000,000.00	8 bulan
9	\$2,000,000.01 hingga \$2,500,000.00	9 bulan
10	\$2,500,000.01 hingga \$3,500,000.00	10 bulan
11	\$3,500,000.01 hingga \$5,000,000.00	11 bulan
12	\$5,000,000.01 keatas	12 bulan



SURAT KELILING

KEMENTERIAN KEWANGAN

BIL: 3/2004 bertarikh 26 Oktober 2004

1. Semua Kementerian menubuhkan Lembaga Tawaran Kecil masing-masing.
2. Keahlian LTN/LTK tidak melebihi **5 orang ahli termasuk Pengerusi**. (PK 329). Walau bagaimanapun, mulai Tahun Kewangan 2015/2016 - Timbalan Setiausaha Tetap dilantik sebagai Timbalan Pengerusi di setiap LTK.
3. Menginitial semua dokumen tawaran semasa membuka tawaran. (PK 334.6). Menginitial dokumen tawaran tertakluk kepada praktik Lembaga Tawaran Kecil masing-masing
4. LTK berkuasa menimbangkan sokongan tawaran bernilai \$250,000.00 ke bawah dan seterusnya menghadapkan kepada Menteri masing-masing untuk diluluskan.
5. Sokongan Ketua Jabatan bagi tawaran melebihi \$250,000.00 akan dihadapkan ke LTN untuk pertimbangan.



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 3/2004

6. Semua salinan minit Mesyuarat LTK yang telah disahkan hendaklah dihadapkan kepada Pengerusi LTN, Jurukira Agung dan Juruaudit Agung setelah diluluskan oleh Menteri Kementerian masing-masing tidak lewat dua (2) minggu setelah ianya diluluskan. – (PK 332 dan 337).
7. Sokongan tawaran hendaklah dipastikan teratur semasa dipertimbangkan.
8. **LTN bersidang setiap hari Isnin jam 8.30 pagi dan 1.45 petang dan menutup tawaran pada jam 2.00 petang.** Kecuali cuti awam.
9. **LTK bersidang setiap hari Selasa jam 8.30 pagi dan 1.45 petang dan menutup tawaran pada jam 2.00 petang.** Kecuali cuti awam.
10. Iklan tawaran hendaklah disebarikan sekurang-kurang 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran – (PK 334.1)



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 3/2004

11. Penilaian tawaran oleh Kementerian/Jabatan hendaklah dibuat **tidak melebihi dari tempoh 2 bulan** dari tarikh dokumen diterima daripada LTN/LTK.
12. Surat kebenaran daripada LTN/LTK hendaklah disertakan bersama baucer pembayaran.
13. Ketua-Ketua Jabatan boleh membuat pembelian atau kontrak tanpa proses tawaran berjumlah \$50,000.00 ke bawah. Pembelian atau kontrak melebihi \$2,000.00 hendaklah mendapatkan sekurang-kurangnya 3 sebutharga.



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

BIL: 2/2009

Yuran Tawaran

Yuran tawaran merupakan kadar berpatutan yang perlu dibayar oleh syarikat kepada Kerajaan untuk mendapatkan dokumen tawaran. Ianya dikenakan tidak bermaksud untuk membebankan pihak penender, namun adalah bagi –

- menampung perbelanjaan kos penyediaan dokumen tawaran;
- meningkatkan rasa tanggungjawab dikalangan penender supaya sentiasa berhati-hati dalam menghadapi tawaran dengan memberikan harga yang berpatutan dan mengelakkan daripada menghadapi harga yang spekulatif; dan
- memastikan bahawa penyertaan tawaran hanyalah daripada penender *bonafide* sahaja



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

BIL: 2/2009 - SAMBUNGAN

- Jika sesuatu tawaran itu **dibatalkan oleh pihak Kerajaan dan kemudian akan ditawarkan semula**, yuran tawaran penender-penender yang telah ikut serta di dalam tawaran asal akan **dikembalikan** kepada mereka;
- Jika sesuatu tawaran itu harus **dibatalkan dan akan ditawarkan semula setelah penilaian dibuat dibuat tidak ada satu penender yang layak dan tidak memenuhi spesifikasi**, yuran tawarannya **tidak akan dikembalikan**, tertakluk kepada keputusan muktamad daripada LTN ataupun LTK;
- Setiap penender yang menyertai tawaran yang dikeluarkan adalah diperlukan untuk menyertakan salinan resit pembayaran yuran tawaran di dalam dokumen tawaran bagi pengesahan;



Kadar-Kadar Yuran Tawaran yang dikenakan bagi setiap penender:

Bil.	Harga Projek	Yuran Tawaran	Yuran e-dokumen
1	\$50,000.01 hingga \$100,000.00	\$10.00	\$5.00
2.	\$100,000.01 hingga \$250,000.00	\$30.00	\$5.00
3.	\$250,000.01 hingga \$500,000.00	\$50.00	\$5.00
4.	\$500,000.01 hingga \$1 juta	\$100.00	\$5.00
5.	\$1,000,000.01 hingga \$5 juta	\$500.00	\$5.00
6.	\$5,000,000.01 hingga \$10 juta	\$1,000.00	\$5.00
7.	\$10,000,000.01 hingga \$20 juta	\$2,000.00	\$5.00
8.	Melebihi \$20 juta	\$5,000.00	\$5.00

Yuran e-dokumen adalah bagi membeli dokumen tawaran yang berbentuk *softcopy*, samada dalam bentuk disket atau cekera padat (CD).



Wang Jaminan Prestasi (*Performance Bond*)

- ❑ Wang Jaminan Prestasi merupakan sejumlah *deposit* yang digunakan sebagai cagaran yang perlu dibayar oleh penender yang diberikan tawaran. Ianya perlu dilunaskan terlebih dahulu sebelum memulakan kontrak dan akan dikembalikan semula kepada penender apabila kerja-kerja/pembekalan/perkhidmatan telah selesai dilaksanakan sepenuhnya dengan sempurna.
- ❑ Wang Jaminan Prestasi dikenakan apabila tawaran berkenaan sudah diluluskan kepada penender yang berjaya. Ianya dikenakan bagi memastikan tawaran dilaksanakan dengan sempurna dan penender mempunyai kewangan yang kukuh.



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

BIL: 1/2014

Pengemaskinian Wang Jaminan Prestasi

TAWARAN-TAWARAN PERKHIDMATAN BERPENGAL (*TERM CONTRACT*), BINAAN DAN PEMBANGUNAN

JUMLAH HARGA	KADAR WANG JAMINAN PRESTASI
\$1,000,000.00 DAN KEBAWAH	DIKECUALIKAN
MELEBIHI \$1,000,000.00 HINGGA \$5,000,000.00	TIDAK MELEBIHI 3%
MELEBIHI \$5,000,000.00	TIDAK MELEBIHI 5%



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN

BIL: 1/2014

Pengemaskinian Wang Jaminan Prestasi

TAWARAN-TAWARAN PEMBEKALAN BARANGAN	
JUMLAH HARGA	KADAR WANG JAMINAN PRESTASI
\$1,000,000.00 DAN KEBAWAH	DIKECUALIKAN
MELEBIHI \$1,000,000.00 HINGGA \$3,000,000.00	TIDAK MELEBIHI 2%
MELEBIHI \$3,000,000.00	TIDAK MELEBIHI 3%



SURAT KELILING

KEMENTERIAN KEWANGAN

BIL: 1/2015 bertarikh 4 April 2015

1. Had nilai tawaran (*threshold amount*) yang dikendalikan di peringkat LTK bagi semua Kementerian diturunkan daripada \$500,000.00 kepada \$250,000.00.
2. Setiap pembelian yang dikendalikan samada melalui proses Sebutharga atau Tawaran, hendaklah memenuhi syarat-syarat di dalam *checklist* (senarai semak).
3. Semua pembelian kenderaan hendaklah dihadapkan untuk pertimbangan Lembaga Tawaran Negara dengan menyertakan senarai daftar kenderaan yang ada pada masa ini digunakan oleh Kementerian/Jabatan yang memohon.



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL: 1/2015

4. Pegawai/Kakitangan yang didapati tidak mematuhi peraturan-peraturan di atas, boleh dikenakan tindakan tatatertib dan/atau surcaj selaras dengan peraturan yang berjalan dari masa kesemasa.

5. LTK hendaklah menghadapkan salinan Minit Mesyuarat LTK yang telah diluluskan oleh Menteri masing-masing ke Lembaga Tawaran Negara tidak lewat daripada satu (1) minggu dari tarikh ianya diluluskan.



OVERVIEW PROSES PEMBELIAN KERAJAAN

Tentukan keperluan spesifikasi dan dokumen



Anggaran harga projek



Pengesahan peruntukan mencukupi

CONFIRMED

Tentukan cara pembelian



Pembelian Kecil (Small Value Purchases):
sehingga \$2,000.00
Sebutharga:
sehingga \$50,000.00
Tawaran:
di atas \$50,000.00

Tawaran dan surat penerimaan



Kebenaran



Terima dan penilaian



Ditawarkan/ iklankan




< \$50,000.00 : Ketua Jabatan/SUT/JKSH

>\$50,000.00 - \$250,000.00 : LTK - Menteri

> \$250,000.00 : LTN - Menteri Kewangan



PROSES SOKONGAN TAWARAN



PROSES SOKONGAN TAWARAN MELEBIHI \$250,000.00 KE ATAS

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam

YB Menteri Kewangan II

Pengerusi LTN

Pengerusi LTK

Ketua Jabatan


Tidak
Lebih
Daripada
90 Hari
(**3 Bulan**)
daripada
Tarikh
Tutup
Tawaran

Nota:

Ini termasuk proses semua pembelian kenderaan (pembelian baru dan penyewaan) tanpa had



PROSES SOKONGAN TAWARAN \$250,000.00 KE BAWAH



Cara-Cara Penilaian

1

Tawaran yang dianugerahkan adalah tawaran yang dapat memberikan *the best value for money* bagi Kerajaan;

2

Kerajaan tidak akan *discriminate in favour of or against* satu-satu kontraktor/syarikat. Semua penender mendapat layanan yang sama dalam melaksanakan penilaian;

3

Semua penender diberikan maklumat yang sama bagi menyertai tawaran berkenaan

Kriteria Penilaian

Memenuhi spesifikasi tawaran	Harga yang ditawarkan	Trek rekod dan prestasi penender	Kualiti barangan atau perkhidmatan	Perkhidmatan selepas jualan (<i>After sales services</i>)	Tempoh penyediaan	Kewangan syarikat	Pengurusan dan tenaga kerja syarikat yang akan terlibat dalam melaksanakan tawaran tersebut
------------------------------	-----------------------	----------------------------------	------------------------------------	---	-------------------	-------------------	---

GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN 1/2015

- Gunakan borang sokongan yang telah disediakan oleh LTN;
Format Borang Sokongan
- Memastikan rujukan tawaran, tajuk tawaran dan tarikh tutup tawaran adalah betul;
- Tempoh sahlaku tawaran yang masih sah;
- Pastikan peruntukan ada, sesuai dan mencukupi – Business Unit, Department ID, Akaun, Tajuk Peruntukan, jumlah peruntukan – **Jika menggunakan peruntukan Jabatan** dengan menyertakan perkiraan status peruntukan dan perbelanjaan (Lampiran 1);
- Menyertakan surat pengesahan peruntukan daripada Ketua Pengarah JPKE **jika menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara**; pastikan Tahun Kewangan adalah betul;



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

- Hendaklah memastikan **harga tawaran yang disokong adalah berpatutan;**
- Menyatakan berapa lama tempoh penyiapan kerja/projek;
- Harga tawaran hendaklah mengambilkira dan menyatakan harga tawaran termasuk **cukai-cukai kastam** bagi pembekalan barang-barang bercukai termasuk kenderaan;
- *Outcome* yang akan diperolehi daripada projek/pembelian;
- Jika penender yang disokong adalah bukan penender yang terendah, hendaklah dijelaskan dengan terperinci **mengapa tawaran yang lebih rendah tidak disokong;**



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

- Jika sokongan tawaran lambat dihadapkan (melebihi 2 bulan dari tarikh tutup tawaran), penjelasan hendaklah diberikan mengenainya;
- Menyertakan **salinan pendaftaran syarikat** bagi kesemua penender yang ikut serta;
- Menyertakan **surat pengakuan bertulis** (*declaration form*) daripada semua pemilik syarikat yang ikut serta;
[contoh surat pengakuan penender](#)
- Pengakuan bertulis Kementerian/Jabatan bahawa *declaration* di atas telah disiasat dan didapati teratur;
- Menyertakan salinan **surat pembukaan daripada Lembaga Tawaran Kecil**;
- Menghadapkan **softcopy sokongan/1 atau 7 (jika diperlukan) salinan sokongan tawaran serta dokumen sokongan**;



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

- **Dokumen-dokumen tawaran** asal daripada penender-penender yang ikut serta;
- Menghadapkan **senarai projek-projek yang sedang/telah dilaksanakan** oleh penender yang ikut serta dan **prestasi kerja** penender-penender berkenaan;
- **Anggaran Jabatan** bagi tawaran berkenaan.
- **Perbandingan harga lama dengan harga baru**, jika ada; dan penjelasan mengenai dengan kenaikan/penurunan harga [Lampiran 2];
- **Nama syarikat dan harga kontrak** yang sedang berjalan bagi tawaran kontrak pemeliharaan/pembekalan dan dll;



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

- **Perbandingan (*matrix*) harga** di antara anggaran Jabatan dengan harga yang ditawarkan oleh penender-penender mengikut skop kerja (Bill Of Quantities) yang tersenarai di dalam dokumen tawaran, serta perbandingan spesifikasi Jabatan dengan spesifikasi yang ditawarkan oleh penender-penender yang ikut serta (Lampiran 3 dan 4);
- **Matriks** perbandingan sokongan bagi itemised items [Lampiran 5];
- **Surat kesanggupan** daripada penender-penender jika ada pengurangan skop kerja;
- **Senarai *sub-contractor*** yang akan dilantik oleh penender-penender.



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

KESIHATAN

- Pengesahan pendaftaran dengan Brunei Darussalam Medicines Control Authority (BDMCA);
- Gambar Sample
- Perbandingan harga tawaran dengan harga tawaran sebelumnya
- Perbandingan harga tawaran dengan harga pasaran
- Matrix perbandingan sokongan bagi itemised item [LAMPIRAN 6]
- Penjelasan terperinci mengenai tujuan dan maksud pembelian
- Lain-lain:
 - Pengesahan samada peluang diberikan kepada penender-penender yang tidak menghadapi contoh produk dan *brochure* untuk mereka menghadapi contoh produk dan *brochure* dalam tempoh yang diberikan.



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

PROJEK ICT

- Surat kebenaran daripada Pusat Kebangsaan E-Kerajaan;
- Penjelasan terperinci:
 - Latar belakang tawaran/projek
 - Expected End Of Life
 - Expected End of Life dan tarikh tamat kontrak pada masa ini
 - Peruntukan yang bersesuaian dan mencukupi
 - Akaun Pemeliharaan Sistem Komputer untuk kerja-kerja yang berkaitan dengan pemeliharaan
 - Untuk *upgrading*/baru hendaklah disertakan keterangan berikut:
 - Status pemakaian sistem pada masa ini
 - Kapabiliti penender yang disokong
 - Pengesahan tidak ada duplikasi dengan sistem yang lain
 - Kapabiliti *migration* dan *integration* dengan sistem yang lain
 - Pengesahan tidak dapat menggunakan sistem lain yang ada
 - *Return of investment*
 - Lain-lain:



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

PROJEK PEMBINAAN

- Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekalan yang terkini;
- Laporan tawaran yang mengandungi antarlain perkara-perkara berikut;
 - Latar belakang tawaran
 - Rasional projek ini ditawarkan
 - Skop kerja-kerja yang akan dilaksanakan
 - Pelan Lukisan (untuk pembinaan bangunan)
 - Artist Impression* (untuk pembinaan bangunan), jika diperlukan
 - Keterangan mengenai konsep *architectural* dan bahan bina (untuk bangunan sahaja)
 - Keterangan kaedah projek (*design and build*)
 - Gambar (jika perlu) seperti gambar lokasi, gambar bangunan yang akan diroboh bagi pembinaan baru
 - Salinan bills of quantities* disertakan di dalam *standard format* sokongan
 - Analisa tawaran dari segi teknikal, keupayaan serta kemampuan (keuangan, tenaga kerja, mesin, peralatan dan lain-lain) syarikat yang ikut serta untuk melaksanakan projek ini
 - Perbandingan harga tawaran dengan anggaran Jabatan
 - Salinan kebenaran Lembaga Pemeriksa Tetap Kementerian Pembangunan jika melibatkan kerja-kerja meroboh
- Lain-lain:
 - Jumlah *square meter*
 - Kadar *per square meter*
 - Salinan surat pengesahan kebenaran daripada The Authority for Building Control and Construction Industry (ABCI)
 - Lain-lain:



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

KENDERAAN

- Senarai kenderaan yang ada pada masa ini selaras dengan Surat Keliling Kementerian Kewangan bil: 1/2015 perenggan 1.3 dan seterusnya mengikut format seperti berikut:-

No	Kementerian/Jabatan	Nombor Daftar Kenderaan	Jenis Kenderaan	Tarikh Pembelian	Status Kenderaan	Penggunaan Kenderaan

- Salinan spesifikasi perolehan kenderaan
- Tatacara perolehan dikeluarkan secara terbuka dan samada '*tender briefing*' atau '*industry day*' telah diadakan bagi menerangkan kepada penender-penender yang ingin ikut serta mengenai kehendak spesifikasi perolehan
- Salinan surat pengakuan bertulis (*declaration*)
- Peruntukan yang mencukupi
- Hasil perundingan dengan Kementerian/Jabatan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan sebagainya bagi tujuan peminjaman kenderaan dalam tempoh yang diperlukan.
- Hasil penelitian terhadap penyediaan penyediaan pengangkutan alternatif contohnya, perbandingan diantara perkhidmatan penyewaan menggunakan kadar harga catar berbanding jika kaedah perkhidmatan ini secara bertuntut mengikut jumlah penuntut atau trip.
- Jumlah kekerapan atau jadual pengangkutan
- Perbelanjaan sebenar bagi kontrak sebelum ini (bagi perolehan secara berulang)
- Memastikan sokongan dihadapkan untuk pertimbangan 3 bulan sebelum ia diperlukan.



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

KENDERAAN

- Jumlah kekerapan atau jadual pengangkutan

Bil	Tempat Melapor	Tempat Dituju	Senarai, taraf dan bilangan orang yang diangkut			Jenis & Jumlah Kenderaan		Kadar Harga sehari (b)	Jumlah Harga (a)X(b) = (c)	Tempoh Jam digunakan jika kadar sewa mengikut kiraan jam, sila nyatakan	Senarai kenderaan yang diangkut menggunakan kenderaan Kementerian/Jabatan
			Senarai	Taraf	Bilangan	Jenis	Jumlah (a)				
Jumlah Keseluruhan											

Jumlah Kenderaan hendaklah bersesuaian dengan jumlah yang diangkut



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

❖ TAWARAN BARU ATAU PENYAMBUNGAN SEMENTARA BAGI KONTRAK YANG MANSUH

- Jumlah penggunaan (bilangan) dan jumlah perbelanjaan (\$) sebenar yang dibelanjakan bagi kontrak lama atau kontrak yang berjalan pada masa ini serta tempoh bermula dan berakhir kontrak berkenaan;

Tahun Kewangan	Tawaran Diluluskan		Perbelanjaan Sebenar	
	Bilangan	Jumlah Harga \$	Bilangan	Jumlah Harga \$

- Keterangan mengenai kontrak lama dinyatakan di dalam borang sokongan (nama penender, harga kontrak lama, tempoh penyiapan dan lain-lain);
- Salinan kontrak perjanjian sebelum ini dan kontrak baru.
- Adakah harga *per item* atau *per head* bagi penyambungan adalah pada kadar yang sama dengan kadar di dalam kontrak asal.
- Senarai pencapaian (*outcome*) sebenar yang telah diperolehi daripada pelaksanaan kontrak asal dan sejauh mana ia telah mencapai sasaran dan hasrat sebenar.
- Tarikh sasaran tawaran baru dihadapkan ke Lembaga Tawaran Negara untuk pertimbangan.



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

LAIN-LAIN

❖ PEMBATALAN TAWARAN

- Akaun peruntukan yang digunakan
- Keterangan terperinci sebab dibatalkan serta Salinan keterangan yang dimaksudkan
- Sokongan samada yuran tawaran dikembalikan atau sebaliknya dengan menyertakan asas sokongan

❖ PERMAKANAN

- Jadual kekerapan penyediaan permaikanan termasuk jumlah penuntut yang disediakan pada setiap kekerapan bagi tempoh kontrak sebelum ini dan kontrak baru
- Sokongan anggaran perbelanjaan yang akan dihadkan bagi setiap tahun selama tempoh kontrak yang akan disokong
- Jumlah “capping” yang dibenarkan pada setiap kali kontrak sebelum ini berbanding dengan jumlah perbelanjaan sebenar dan apakah mekanisma pengawalan peruntukan yang telah dilaksanakan agar pembekalan tidak melebihi daripada jumlah “capping” dan peruntukan pada setiap kontrak



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

LAIN-LAIN

❖ LAIN-LAIN

- Jadual pembayaran atau S Curve
- Penjelasan sebab-sebab permohonan ini tidak dipohonkan terlebih dahulu sebelum projek ini dilaksanakan; (bagi permohonan secara kebelakangan)
- Penjelasan mengenai dengan sebab tawaran ini tidak dibuat secara tawaran terbuka; (bagi tawaran secara pilihan dan direct award)
- Salinan Minit mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil membincangkan mengenai tawaran ini.
- Menyatakan senarai pekerja bagi penender yang disokong di dalam borang sokongan tawaran dengan menyertakan senarai, jumlah dan bilangan (%) pekerja asing dan pekerja tempatan.
- Salinan memorandum kebenaran daripada Jabatan Perbendaharaan untuk menggunakan akaun hasil bagi perolehan yang melibatkan kutipan hasil Kerajaan.
- Pengesahan bahawa tender clarification/tender interview telah diberikan kepada kesemua penender-penender yang ikut serta bagi memastikan dan mengesahkan samada penender-penender berkenaan benar-benar boleh memenuhi spesifikasi tawaran atau tidak
- Salinan surat pengesahan daripada penender-penender jika mereka berkesanggupan melaksanakan tawaran mengikut spesifikasi-spesifikasi yang ditetapkan
- Penjelasan terperinci mengenai dengan sebab tawaran lebih rendah tidak disokong
- Salinan kontrak perjanjian
- Salinan pendaftaran syarikat telah diteliti dan didapati masih sah
- Pengesahan samada harga tawaran yang disokong termasuk *labour cost for repair and spare parts* atau sebaliknya.



GARISPANDU MENGHADAPKAN SOKONGAN TAWARAN - SAMBUNGAN

LAIN-LAIN

❖ LAIN-LAIN

- Salinan sijil pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39.
- Salinan surat pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara.
- Salinan surat pengesahan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (*Annual Returns*) kepada Pendaftar Syarikat-Syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan “Annual General Meeting”.



TERIMA KASIH

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Lembaga Tawaran Negara Kementerian
Kewangan



2383861, 2383870

2383867

<http://www.mof.gov.bn>





**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI
DAN PERDAGANGAN**

**Bilangan Tawaran:
MOFAT/ICC/LED/02/2013**

Syarat-Syarat Tawaran :-

1. TAWARAN adalah dipelawa dari Syarikat-Syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi;

Bilangan Tawaran :

MOFAT/ICC/LED/O2/2013

**Tajuk Tawaran : SUPPLY,
INSTALLATION AND COMMISSIONING OF LED DISPLAY SYSTEM AND ALL ASSOCIATED WORKS FOR MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS AND TRADE**

2. Syarikat-syarikat Pemborong yang berminat untuk menyertai tawaran di atas dikehendaki memperolehi Dokumen Tawaran di Pejabat Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Jalan Stadium semasa waktu pejabat dengan membayar Yuran Tawaran (tidak dikembalikan) sebanyak \$30.00 dibayar kepada "Kerajaan Negara Brunei Darussalam."

Bayaran hendaklah dijelaskan di Pejabat Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Jalan Stadium, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen Tawaran akan diserahkan selepas bayaran dibuat.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat (sealed) dan ditulis

dengan terang mengikut Bilangan Tawaran, Tajuk Tawaran yang disertai:

Bilangan Tawaran :

Tajuk Tawaran :

Tarikh Tutup:

18 Jun 2013, jam: 2.00 petang

tanpa menunjukkan sebarang nama atau tanda pengenalan syarikat dan ditujukan kepada:

PENGERUSI

**LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR
NEGERI DAN PERDAGANGAN
JALAN SUBOK BANDAR SERI
BEGAWAN BD2710
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Tawaran hendaklah dimasukkan kedalam Peti Tawaran di **Tingkat Bawah, Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Jalan Subok, BSB, BD2710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa, 18 JUN 2013.**

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

Membuka/Menutup Peti Tawaran



MENUTUP/MEMBUKA PETI TAWARAN

- **Lembaga Tawaran Negara** menutup/membuka peti tawaran setiap **hari Isnin, 2.00 petang** (termasuk bulan Ramadhan) kecuali jika hari itu jatuh pada hari kelepasan awam dimana penerimaan tawaran akan ditutup/dibuka pada minggu depannya jam 2.00 petang
- **Lembaga Tawaran Kecil** menutup/membuka peti tawaran setiap **hari Selasa, 2.00 petang** (termasuk bulan Ramadhan) kecuali jika hari itu jatuh pada hari kelepasan awam dimana penerimaan tawaran akan ditutup/dibuka pada minggu depannya jam 2.00 petang

KEMBALI

CONTOH DOKUMEN TAWARAN YANG DICOP, DIBERIKAN NOMBOR BERSIRI DAN
DITANDATANGANI OLEH AHLI LEMBAGA

1

TAWARAN Bil:
23 JUN 2008
Pengerusi
Lembaga Tawaran
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Drive

2

FORD RANGER 2.5L DOUBLE CAB

1 unit

TAWARAN Bil: 1/3
23 JUN 2008
Pengerusi
Lembaga Tawaran
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

CONTOH

NDAR SERI BEGAWAN BS8672

3

TAWARAN Bil: 2/3
23 JUN 2008
Pengerusi
Lembaga Tawaran
KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4

unit	30,700.00	30,700.00
	TAWARAN Bil: 3/3 23 JUN 2008 Pengerusi Lembaga Tawaran KEMENTERIAN KEWANGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	

KEMBALI